



جَانِبُ خَالِ الْجَوَالِ كَمَا مِنْتَ إِذْ كَرَى تَيْبَابِ
ABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH



**GARIS PANDUAN
PELAKSANAAN AKTIVITI DI MASJID/SURAU,
SOLAT LIMA WAKTU, SOLAT JUMAAT, SOLAT SUNAT AIDILADHA,
IBADAH KORBAN DAN ZIARAH TANAH PERKUBURAN
KETIKA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) 3.0
COVID-19 BAGI NEGERI SABAH**

1.0 TUJUAN :

Garis Panduan ini disediakan sebagai panduan kepada Pentadbir Masjid/Surau, Pegawai Masjid dan ahli kariah **AKTIVITI DI MASJID/SURAU, PELAKSANAAN SOLAT LIMA WAKTU, SOLAT JUMAT, SOLAT SUNAT AIDILADHA, IBADAH KORBAN DAN ZIARAH TANAH PERKUBURAN** dalam tempoh **Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0** akibat penularan Covid-19 di negeri Sabah.

2.0 OBJEKTIF :

- 2.1. Menyelaras pelaksanaan tugas mengikut ketetapan dari pihak berkuasa.
- 2.2. Mengurus masyarakat agar mematuhi arahan **PKP COVID-19** semasa pelaksanaan :
 - i. Persediaan Masjid/Surau dan Jemaah.
 - ii. Solat Sunat Aidiladha.
 - iii. Ibadah Korban.
 - iv. Solat berjemaah lima (5) waktu DAN Solat Sunat Hajat.
 - v. Solat Jumaat.
 - vi. Upacara akad nikah.
 - vii. Pengurusan Jenazah.
- 2.3. Mengekang penularan wabak Covid-19 di kalangan ahli jemaah.

3.0 TARIKH BERKUATKUASA : 18 Julai 2021 sehingga tarikh yang akan dimaklumkan kelak.

4.0 PELAKSANAAN SOP :

Pelaksanaan aktiviti di masjid, surau dan tanah perkuburan ini telah mengambilkira *Maqasid al Syari'ah* (مقاصد الشريعة) dan statistik indeks kes semasa, namun demikian pindaan SOP ini adalah bersifat sementara sehingga kes-kes harian Covid-19 kembali stabil.

5.0 AKTIVITI YANG **TIDAK DIBENARKAN** :

- i. Aktiviti di masjid/surau secara bersemuka seperti kuliah, majlis ilmu, akad nikah, majlis kenduri dan seumpamanya sepanjang tempoh PKP.
- ii. Pelaksanaan Ibadah Korban di kawasan yang diistiharkan *Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD)*.
- iii. Aktiviti memasak di kawasan penyembelihan.
- iv. Agihan daging korban di masjid/surau.
- v. Ziarah Tanah Perkuburan

6.0 UPACARA AKAD NIKAH

Upacara akad nikah terhad **LAPAN (8) ORANG SAHAJA** di Pejabat Agama.

7.0 SOLAT FARDHU BERJEMAAH LIMA (5) WAKTU DAN SOLAT JUMAAT

PERKARA	PENERANGAN
PERSEDIAAN MASJID/SURAU	Penyediaan kaunter pemeriksaan: <ol style="list-style-type: none"> i. Daftar QR kod MySejahtera / Sabah Trace atau Buku rekod kehadiran jemaah : <ol style="list-style-type: none"> a. Nama b. Nombor telefon c. Suhu badan. (TIDAK MELEBIHI DARI 37.5 °C) ii. Sanitasi tangan. iii. <i>Alat Pengimbas Suhu.</i>
	Tambahan dilaungan صَلُّوا فِي بُيُوتِكُمْ azan : Maksudnya: "Solatlah di rumah kalian."
	Sanitasi ruang solat dan kawasan sekitarnya termasuk tandas dan ruang <i>wudhu'</i> sebelum dan selepas solat.
	Penggunaan tandas perlu dihadkan mengikut jumlah bilik tandas yang ada pada satu-satu masa.
	<i>Saf solat</i> disusun berdasarkan jarak penjarakkan sosial iaitu SATU (1) METER yang telah dibuat penandaan terlebih dahulu.
KADAR JEMAAH	<ol style="list-style-type: none"> i. Bilangan Jemaah di masjid-masjid / surau-surau untuk solat Jumaat dan solat 5 waktu adalah DIKURANGKAN kepada 1/3 kapasiti ruang atau maksima 30 orang Jemaah yang mana lebih rendah
KAWALAN JEMAAH	Ahli Jemaah yang TIDAK DIBENARKAN HADIR : <ol style="list-style-type: none"> i. Ahli kariah yang masih dalam tempoh <i>Patient under Investigation (PUI)</i> dan

	<p>Person under Surveillance (PUS COVID-19).</p> <ul style="list-style-type: none"> ii. Ahli jemaah yang berisiko tinggi. iii. Ahli jemaah yang mempunyai simptom Covid-19 seperti demam, batuk, selesema, sesak nafas, alahan dan seumpamanya. iv. Kanak-kanak (10 tahun ke bawah). v. Jemaah wanita adalah disarankan agar tidak mengikuti aktiviti di masjid/surau untuk memberi peluang kaum lelaki memenuhi kapasiti ruang masjid/surau.
	<p>DIWAJIBKAN pemakaian Pelitup Muka (face mask) sepanjang masa.</p>
	<p>DIWAJIBKAN mendaftar kehadiran samada secara QR kod ataupun bertulis.</p>
	<p>DIWAJIBKAN membawa <i>sejadah</i> sendiri serta <i>telekung</i> bagi jemaah wanita (dipamerkan) dan sebarang perkongsian peralatan sembahyang adalah tidak dibenarkan;</p>
	<p>Digalakkan mengambil air <i>wuduk</i> dari rumah;</p>
	<p>Sentiasa melaksanakan PENJARAKKAN SOSIAL (social distancing) SATU (1) METER antara jemaah di dalam dan luar masjid/surau;</p>
	<p>Amalan <i>berselawat</i> dan <i>bertakbir</i> selepas solat boleh dilaksanakan tetapi amalan bersalaman dan berpelukan tidak dibenarkan; dan</p>
	<p>Cara masuk dan keluar masjid/surau mesti mengikut giliran dengan beratur dalam keadaan tenang melalui arah keluar yang telah ditetapkan serta menjaga penjarakan yang terkawal.</p>
<p>Jamuan hanya dibenarkan dalam bentuk bungkusan (<i>tapau</i>).</p>	

8.0 SOLAT JUMAAT

TINDAKAN	PENERANGAN
BILAL	<p>Azan pertama dilaungkan.</p> <p>Khatib mengambil tempat sejurus selepas solat qobliah setelah selesai azan pertama dan azan kedua terus dilaungkan dengan tempoh yang lebih pendek dari azan pertama.</p>
IMAM	<ul style="list-style-type: none"> • Khatib memendekkan bacaan khutbah pertama dan kedua selama maksima 10 minit seperti yang disediakan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS). • Hanya penggunaan teks khutbah JHEAINS atau yang telah mendapat pengiktirafan sahaja yang dibenarkan. • Teks khutbah JHEAINS boleh dimuat turun di laman sesawang https://jheains.sabah.gov.my/index.php/perkhidmatan/khutbah-jumaat

	<p>Solat Jumaat ditunaikan dalam tempoh masa maksima selama TUJUH (7) minit.</p> <p>Imam membaca surah atau ayat yang pendek dan membaca <i>Doa Qunut Nazilah</i>.</p> <p>Selepas Imam memberi salam, wirid dan doa yang ringkas sahaja.</p>
PIHAK PENGURUSAN/ PENTADBIRAN MASJID	<p>Azan Jumaat mengikut waktu Zohor.</p>

PERINGATAN : Sekiranya ada jemaah yang disyaki atau disahkan **POSITIF Covid-19**, masjid/surau tersebut perlu melakukan proses sanitasi penuh dan jemaah lain yang hadir pada hari berkenaan perlu melakukan saringan mengikut prosedur **Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)**.

9.0 PENGURUSAN JENAZAH

PERKARA	PENERANGAN
PENGURUSAN JENAZAH	Waris hendaklah melaporkan kepada pihak PDRM dengan kadar segera.
	Waris perlu mendapatkan pengesahan daripada pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bahawa jenazah bukan pesakit Covid-19 .
	Jenazah yang disahkan Covid-19 akan diuruskan sepenuhnya oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) .
	Pihak yang menguruskan jenazah seperti waris / Imam / Bilal / Siak / AJK Masjid bukan tergolong dalam kumpulan berikut: <ol style="list-style-type: none"> i. Masih dalam tempoh kuarantin wajib. ii. Memiliki kontak dengan pesakit Covid-19. iii. Memiliki simptom atau gejala Covid-19 seperti demam, selsema, sakit tekak, sesak nafas atau seumpamanya.
	Elak bersalaman atau berpelukan semasa dalam upacara ini.
	Mematuhi penjarakan SATU (1) METER antara satu sama lain.
	Pengurusan Jenazah dilakukan mengikut <i>Prosedur Operasi Standard (SOP)</i> sedia ada.
MEMANDIKAN DAN MENGKAFANKAN JENAZAH	<p>Pihak yang memandikan dan mengkafankan jenazah seperti waris / Imam / Bilal / Siak / AJK Masjid hendaklah menyediakan peralatan keperluan memandikan jenazah termasuk peralatan perlindungan diri bagi mereka yang mengurus jenazah seperti :</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Sarung tangan bergetah. ii. Pelitup muka. iii. Apron. iv. Kasut getah.
	Memastikan kebersihan diri setelah selesai memandikan dan mengkafankan jenazah seperti yang disarankan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)

	sebelum bertemu ahli keluarga yang lain.
SOLAT JENAZAH	Kehadiran solat jenazah dibenarkan 30 ORANG SAHAJA dengan penjarakkan 1 meter.
	Ahli jemaah yang mempunyai simptom Covid-19 seperti demam, batuk, selsema, sesak nafas, alahan, sakit tekak, penyakit kronik dan seumpamanya TIDAK DIBENARKAN turut serta.
	Elakkan daripada bersalaman atau berpelukan selepas solat jenazah.
	Ahli jemaah hendaklah beredar terus dan bersurai sejeurus selepas selesai solat jenazah.
PENGKEBUMIAN	Hanya DUA BELAS (12) ORANG SAHAJA dari kalangan kaum kerabat atau orang awam yang DIBENARKAN menghadiri pengurusan pengkebumian jenazah dan hendaklah mematuhi <i>Prosedur Operasi Standard (SOP)</i> dan menjaga penjarakkan serta tidak bersesak-sesak.

10.0 SOLAT SUNAT AIDILADHA

PERKARA	TINDAKAN
Waktu pelaksanaan Solat Aidiladha bagi seluruh negeri Sabah jam 7.45 pagi .	JAWATANKUASA / PENTADBIRAN MASJID
<ul style="list-style-type: none"> i. Khatib memendekkan bacaan khutbah pertama dan kedua selama maksima 15 minit seperti yang disediakan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS). ii. Hanya penggunaan teks khutbah JHEAINS atau yang telah mendapat pengiktirafan sahaja yang dibenarkan. iii. Teks khutbah JHEAINS boleh dimuat turun di laman sesawang https://jheains.sabah.gov.my/index.php/perkhidmatan/khutbah-jumaat 	IMAM
Imam membaca surah atau ayat yang pendek dan membaca <i>Doa Qunut Nazilah</i> .	
KADAR JEMAAH	Bilangan Jemaah di masjid-masjid / surau-surau untuk solat sunat Aidiladha 1442 H / 2021 M adalah DIKURANGKAN kepada 1/3 kapasiti ruang atau maksima 30 orang Jemaah yang mana lebih rendah

PERINGATAN : Sekiranya ada jemaah yang disyaki atau disahkan **POSITIF Covid-19**, masjid/surau tersebut perlu melakukan proses sanitasi penuh dan jemaah lain yang hadir pada hari berkenaan perlu melakukan saringan mengikut prosedur **Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)**.

11.0 IBADAH KORBAN

PERKARA	PENERANGAN
<p>PETUGAS PENYEMBELIHAN</p>	<p>1. Jumlah pengendali TIDAK MELEBIHI 15 ORANG dalam satu-satu masa (dibolehkan membuat sistem penggiliran) dengan syarat :</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Sihat tubuh badan. <p>2. Jamuan petugas hanya berbungkus sahaja.</p> <p>3. Penyembelih hendaklah memiliki kemahiran dan pengetahuan berkaitan kaedah dan cara penyembelihan mengikut hukum <i>syarak</i>.</p>
<p>LOKASI PENYEMBELIHAN KORBAN</p>	<p>1. Rumah Sembelihan (<i>Abbattoir</i>);</p> <p>2. Rumah Penyembelihan Ruminan Swasta yang berlesen;</p> <p>3. Masjid dan Surau dengan kelulusan Pihak Berkuasa Agama Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan Pejabat Kesihatan Daerah;</p> <p>4. Kawasan lapang seperti Balai Raya, Dewan yang bersesuaian dengan kebenaran pihak berkuasa tempatan, Jabatan Perkhidmatan Veterina (DVS), Penyelarasan JHEAINS dan Pejabat Kesihatan Daerah.</p> <p><i>*Permohonan di lokasi lain selain daripada masjid/surau perlu memohon kebenaran kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar dengan lebih awal.</i></p>
<p>PERMOHONAN PELAKSANAAN IBADAH KORBAN</p>	<p>Penganjur/Individu yang ingin melaksanakan ibadah korban hendaklah mengemukakan borang permohonan pelaksanaan ibadah korban daripada Pejabat Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS) Daerah.</p>
<p>TEMPOH PELAKSANAAN KORBAN</p>	<p>1. Bermula 10 Zulhijah 1442H dan tiga (3) hari Tasyrik (11, 12, 13 Zulhijah).</p> <p>2. Ibadah Korban dilaksanakan mulai selepas Solat Sunat Aidiladha sehingga sebelum terbenam matahari pada hari ketiga Tasyriq (13 Zulhijjah 1442H).</p>
<p>JUMLAH HAIWAN KORBAN</p>	<p>Jumlah haiwan sembelihan di masjid/surau :</p> <ul style="list-style-type: none"> i. LEMBU/KERBAU : Tidak lebih daripada 5 ekor sehari. ii. KAMBING : Tidak lebih daripada 10 ekor sehari. <p><i>*Pengecualian bilangan haiwan ini diberikan kiranya di proses di rumah penyembelihan yang dibenarkan.</i></p>
<p>PELAKSANAAN IBADAH KORBAN</p>	<p>1. Kawasan yang ingin dilakukan sembelihan korban adalah kawasan yang bukan daripada kawasan yang diistiharkan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD).</p> <p>2. Peserta yang mengambil bahagian dalam melakukan ibadah . korban boleh</p>

mewakillikan kepada penyembelih atau wakil yang dilantik.

3. Aktiviti menyembelih, melapah dan memotong yang melibatkan perhimpunan hendaklah mengambil kira aspek menghindari **3S, SANITASI DIRI dan MENGAMALKAN PENJARAKKAN SOSIAL SATU (1) METER.**
4. Proses penyembelihan, proses lapah dan proses pembahagian daging korban hendaklah dibuat di tempat yang lapang dan tidak menyebabkan berlaku kesesakan.
5. **AGIHAN TIDAK DIBENARKAN UNTUK DILAKSANAKAN DI MASJID/SURAU. AGIHAN AKAN DIBUAT KEPADA PIHAK-PIHAK BERKENAAN MELALUI CARA PENGHANTARAN SAHAJA KE RUMAH ATAU KEDIAMAN MASING-MASING.**
6. **Pihak Penganjur** atau **Individu** yang melaksanakan *Ibadah Korban* hendaklah menyediakan :
 - i. Tempat sembelihan mempunyai kelengkapan dan kemudahan.
 - ii. Ruang melapah dan membungkus daging.
 - iii. Kaedah dan tempat pembuangan sisa najis, darah atau anggota yang tidak diperlukan dan sebagainya.
 - iv. Menandakan sempadan bagi kawasan tertentu dan menandakan penjarakan sosial **SEKURANG-KURANGNYA SATU (1) METER** seperti di tempat menyembelih dan tempat melapah bagi tujuan pengasingan dan kawalan.

12.0 IBADAH KORBAN DALAM SYARIAT ISLAM

Bil	PENERANGAN
1.	Ibadah korban merupakan <i>syiar</i> Islam yang telah disyariatkan pada tahun kedua hijrah ke atas umat Islam yang berkemampuan pada hari raya Aidiladha dan hari-hari <i>Tasyriq</i> (hari yang ke 11, 12 dan 13 dalam bulan Zulhijah) bagi mendapatkan pengampunan dan <i>keredhaan</i> daripada Allah SWT.
2.	Sembelihan binatang korban merupakan ibadah sunat yang amat dituntut untuk dilaksanakan oleh seseorang muslim yang <i>baligh</i> , berakal dan berkemampuan sama ada sewaktu mereka bermukim (menetap di sesuatu kawasan), bermusafir atau ketika mereka mengerjakan Ibadah Haji.
3.	Disunatkan bagi seseorang yang berniat untuk melaksanakan ibadah korban untuk tidak menggunting rambut dan kukunya, bermula awal bulan Zulhijah sehingga selesai melaksanakan ibadah korban.
4.	Penyembelihan binatang korban hanya boleh dilaksanakan pada Hari Raya Aidiladha dan tiga hari Tasyriq berikutnya. Waktu sembelihan korban adalah bermula setelah selesai dilaksanakan solat dan <i>khutbah</i> hari raya Aidiladha dan berpanjangan sehingga tenggelamnya matahari (masuk waktu Maghrib) pada hari ke 13 Zulhijah.

5. Binatang yang boleh dijadikan korban adalah binatang ternakan seperti kambing, biri-biri, lembu dan unta sahaja. Bagi lembu dan unta, ia boleh dibahagikan kepada tujuh bahagian korban. Binatang yang dikorbankan hendaklah binatang yang sihat dan bebas daripada kecacatan seperti tempang, buta, tercedera di tubuh dan terlalu kurus.
6. Sembelihan korban boleh dilakukan sendiri **(JIKA MEMILIKI PENGETAHUAN CARA PENYEMBELIHAN)** oleh orang yang ingin melakukan ibadah korban atau dengan hanya mewakilkannya kepada penyembelih yang bertauliah. Perkara yang disunatkan semasa menyembelih binatang korban adalah membaca *bismillah*, bertakbir, berselawat ke atas Nabi SAW, menghadap ke arah kiblat dan berdoa agar ibadah korban itu diterima oleh Allah SWT. **(DALAM TEMPOH PKP PELAKSANAAN HANYA DI MASJID/SURAU DAN TEMPAT DIBENARKAN SAHAJA)**
7. Bagi ibadah korban yang dilaksanakan kerana *nazar* (sembelihan wajib untuk menunaikan apa yang telah dijanjikan), dagingnya tidak boleh di makan oleh seorang yang bernazar. Daging sembelihan korban juga tidak boleh dijual sama sekali oleh orang yang melakukan ibadah korban.
8. Sembelihan korban disunatkan dibahagi kepada tiga bahagian iaitu untuk dimakan, disedekah kepada fakir miskin dan dihadiahkan kepada sahabat handai serta jiran tetangga. Amalan yang paling *afdhal* adalah dengan menyedekahkan kesemua sembelihan korban dan hanya menyimpan sedikit sahaja untuk dimakan.

13.0 PENUTUP :

Garis Panduan ini hendaklah dipatuhi oleh semua anggota masyarakat sama ada Pentadbir Masjid/Surau/Tanah Perkuburan, Pegawai Masjid dan ahli kariah. Pentadbir Masjid/Surau/Tanah Perkuburan, Pegawai Masjid dan ahli kariah adalah dipertanggungjawabkan sepenuhnya ke atas sebarang pelanggaran terhadap arahan dan tatacara yang ditetapkan ini.

Pengarah

JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

18 Julai 2021/08 Zulhijah 1442H